



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 19 /2026

KBS PERKASA EKOSISTEM E-SUKAN NEGARA MENERUSI MALAYSIA E-SPORTS ACCELERATOR PROGRAMME (MEAP) DAN DANA E-SUKAN KBS (DEK) 2026 BERJUMLAH RM1.5 JUTA

11 MAC 2026

PUCHONG, 12 MAC 2026 — YB. Dr. Mohammed Taufiq bin Johari, Menteri Belia dan Sukan telah melancarkan Dana E-sukan KBS (DEK) 2026 dan Malaysia E-sports Accelerator Program (MEAP) 2026 di ESI Grand Hall, Spacerubix Puchong.

DEK 2026 yang bertujuan menyokong pelbagai projek dalam kategori kejohanan e-sukan dan pembangunan kandungan digital dengan peruntukan sebanyak RM1 juta pada tahun 2026 telah memasuki tahun keempat pelaksanaan dengan peruntukan sehingga sebanyak RM20,000 bagi setiap projek dalam dua (2) kategori utama iaitu Kejohanan e-Sukan dan Pembangunan Kandungan Digital. Disasarkan seramai 9,000 orang peserta dan 2.5 juta tontonan di platform digital bagi memastikan pertumbuhan ekosistem e-sukan yang inklusif dan meluas.

MEAP 2026 pula diteruskan pada tahun ini dengan peruntukan sebanyak RM500,000 untuk menyokong dan mempersiapkan pasukan dan pemain tempatan yang terpilih untuk bersaing di peringkat antarabangsa. Sokongan merangkumi bantuan dana hospitaliti, latihan dalaman intensif, dan persediaan ketahanan mental sebagai pengiktirafan terhadap atlet yang mewakili negara.

Melalui DEK, kerajaan berhasrat untuk mengukuhkan komuniti e-sukan di peringkat akar umbi dengan memastikan lebih ramai belia dan pertubuhan tempatan mendapat peluang untuk menyertai, menganjurkan dan menikmati manfaat daripada perkembangan industri ini. Pada masa yang sama, MEAP 2026 akan fokus kepada pasukan dan pemain yang telah menunjukkan potensi ke tahap yang lebih tinggi bagi mewakili Malaysia di pentas antarabangsa. Kedua-dua inisiatif ini sememangnya saling melengkapi dalam usaha strategik kerajaan membangunkan industri e-sukan negara secara menyeluruh ke peringkat antarabangsa, ujar YB Dr. Mohammed Taufiq bin Johari, Menteri Belia dan Sukan.

Bagi Ketua Pegawai Eksekutif Esports Integrated (ESI), Ahmed Faris Amir, ESI akan terus komited untuk menterjemahkan aspirasi DEK dan MEAP 2026 kepada pelaksanaan yang tersusun melalui kerjasama strategik bersama pemain industri, penerbit permainan dan pihak swasta bagi membina ekosistem e-sukan negara yang mampan dan berdaya saing.

Kerajaan akan terus menyokong industri e-sukan negara secara menyeluruh dari peringkat akar umbi sehingga atlet dan pasukan profesional yang membawa nama Malaysia ke persada dunia.

Sebarang pertanyaan media, boleh hubungi Fadhli Hamim (Ali) di +6013-3969406 atau emel kepada fadhli.hamim@impact.my

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

